

KENYATAAN MEDIA

MEDAC SENTIASA BERUSAHA KE ARAH MEMANTAPKAN GERAKAN KOPERASI SERTA AGENDA PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGARA

Masjid Tanah, 21 Mac 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) hari ini memaklumkan operasi pejabat serta cawangan samada di daerah atau negeri bagi semua agensi di bawahnya terus beroperasi dan sentiasa siap siaga memberi khidmat kepada semua rakyat yang memerlukan terutama usahawan dan koperasi walaupun negara kini dikuatkuasakan dengan perintah kawalan pergerakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang ditemui hari ini di Majlis Perasmian Pembukaan Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Masjid Tanah berkata; pembukaan pejabat SKM Cawangan Masjid Tanah ini contohnya, membuktikan bahawa Kerajaan menerusi MEDAC terus proaktif dan komited dalam memastikan koperasi terus diberi perhatian bagi meneruskan operasinya terutama dalam tempoh sukar akibat penularan pandemik COVID19. Pembukaan pejabat cawangan ini secara tidak langsung dapat memberikan perkhidmatan khusus berkaitan koperasi kepada kepada 6,950 anggota daripada 52 buah koperasi di Parlimen Masjid Tanah yang telah menyumbang jumlah aset serta perolehan masing-masing sebanyak RM 24.97 juta dan RM7.87 juta setakat ini.

YB Menteri juga berkata; tindakan ini juga dilihat sebagai menyahut saranan serta menyokong keputusan Kerajaan Negeri Melaka yang telah

mengisytiharkan Masjid Tanah sebagai daerah baru di Melaka. Usaha ini ke arah memastikan agar Masjid Tanah menjadi antara daerah termaju di Melaka menjelang 2025. Pada majlis yang diadakan di Masjid Tanah hari ini, YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi turut menyampaikan bantuan pembangunan dan pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP-SKM) berjumlah RM1.2 juta kepada 11 koperasi di negeri Melaka. Di dalam majlis tersebut juga, MEDAC melalui SME Corp dan TEKUN Nasional turut menyampaikan pembiayaan kepada 15 usahawan SME Corp di bawah Program Peningkatan Enterprise Bumiputera (BEEP) dan Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) serta 10 usahawan TEKUN Nasional di bawah Program Skim Pembiayaan Informal, dengan jumlah pembiayaan masing-masing berjumlah RM1.2 juta dan RM50,000.

Majlis pada hari ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi serta Ahli Exco Kerajaan Negeri bagi portfolio Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani iaitu Yang Berhormat Datuk Norhizam bin Hassan Baktee.

Selaras dengan tema Malaysia Prihatin, penyerahan bantuan dan pembiayaan oleh Kerajaan melalui MEDAC ini diharap dapat meningkatkan lagi kapasiti koperasi mahu pun usahawan di negeri Melaka khususnya; untuk terus merencanakan semula aktiviti perniagaan masing-masing agar kekal menjadi penyumbang yang efektif kepada pembangunan ekonomi negara.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI